

IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN KETUA EKSEKUTIF

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

Dimaklumkan bahawa Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebuah organisasi yang bertanggungjawab memberi pinjaman kepada pelajar Institusi Pendidikan Tinggi yang layak dan menerima deposit di bawah Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN), mempelawa calon-calon **WARGANEGARA MALAYSIA** yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan Ketua Eksekutif PTPTN.

Maklumat Jawatan

Nama Jawatan	: Ketua Eksekutif
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: Gred Utama B (VU6)
Jumlah Gaji & Elaun Tetap	: Minimum RM 14,465.00
	: Maksimum RM 28,595.00
Status Pelantikan	: Secara kenaikan pangkat (tetap) / pelantikan pinjaman / pelantikan kontrak.

Deskripsi Tugas:

Jawatan ini merupakan jawatan utama dan pegawai adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam urusan pentadbiran, operasi, perancangan program dan aktiviti PTPTN termasuk pelan strategik, integriti organisasi serta pengurusan risiko. Di samping itu, Ketua Eksekutif perlu memastikan pengurusan kewangan dan perakaunan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan dan Lembaga Pengurusan.

Syarat Lantikan:

Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- Warganegara Malaysia;
- Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidang pengurusan/ kewangan/ pelaburan/ perniagaan/ pemasaran/ perakaunan/ ekonomi dan lain-lain bidang yang berkaitan. Calon yang memiliki ijazah di peringkat yang lebih tinggi atau sijil profesional adalah satu kelebihan; dan
- Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Vokasional Malaysia termasuk Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki:

- Sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan/ kewangan/ pelaburan; dan
- Berpengalaman dan berkemahiran tinggi dalam menerajui organisasi serta memiliki sifat-sifat kepimpinan yang cemerlang, dinamik, komited dan berwawasan untuk membangunkan PTPTN. Berkebolehan dalam mengurus hal-hal pentadbiran, kewangan, sumber manusia dan aset bagi mencapai objektif PTPTN serta mempunyai jaringan kerjasama sektor awam dan swasta yang baik.

Cara Memohon:

Calon yang berminat dan memenuhi semua syarat, hendaklah mengemukakan permohonan rasmi berserta:

- Resume / *Curriculum Vitae* (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi (sertakan juga alamat e-mel), kelayakan akademik (sertakan salinan dokumen/sijil yang berkaitan), pengalaman kerja serta pencapaian kerja dalam bidang berkaitan dan sekeping gambar bersaiz pasport.
- Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar sebelum atau pada **17 September 2019** ke alamat berikut :

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat 19, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 KUALA LUMPUR
(u.p : **Pengurus Besar Kanan, Jabatan Modal Insan**)

Perhatian:

- Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- Pemohon yang tidak menerima apa-apa pemberitahuan dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.